



KEADAAN banjir kilat di Jalan Pantai, Port Dickson pagi semalam.

Bandar Port Dickson dilanda banjir kilat

PORT DICKSON – Beberapa laluan jalan raya di bandar ini dinaiki air hampir satu meter selepas dilanda hujan lebat selama kira-kira tiga jam bermula pukul 7 pagi semalam.

Antara kawasan yang dinaiki air ialah Jalan Pantai, laluan di Sekolah Kebangsaan Port Dickson dan persimpangan lampu isyarat Batu 6, Sunggala Gate.

Pengerusi Persatuan Kebajikan dan Kebudayaan Masyarakat Daerah Port Dickson, M. Prabhakaran berkata, kejadian banjir kilat itu telah mengakibatkan kesesakan lalu lintas dan beberapa kenderaan awam mengalami kerosakan.

“Kereta mereka rosak akibat ditenggelami air selepas terperangkap dalam banjir kilat sewaktu kejadian,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurut Prabhakaran, air mula naik di beberapa laluan jalan raya di sekitar bandar Port Dickson pada pukul 9 pagi sebelum kembali surut kira-kira dua jam selepas itu.